

31/01/2002

Menteri setuju tanda tangan surat akujanji

Munaarfah Abu Bakar

PUTRAJAYA, Rabu - Semua menteri bersetuju menandatangani surat akujanji seperti yang disyaratkan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagai ikrar untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada kerajaan dan negara.

Beberapa menteri yang ditemui selepas mesyuarat mingguan Kabinet di Jabatan Perdana Menteri di sini mengesahkan bahawa jemaah menteri sebulat suara bersetuju agar setiap anggotanya menandatangani surat ikrar itu.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid berkata persetujuan itu dicapai selepas cadangan mengenainya dikemukakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk perbincangan di mesyuarat Kabinet pagi tadi.

"Perkara itu memang Kabinet setuju tetapi bila tarikh perlaksanaannya akan kita serahkan kepada pihak pentadbiran untuk melaksanakannya," kata Azmi ketika ditemui selepas kunjungan pengayuh basikal negara yang mengelilingi dunia, Hassan Nawawi terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Isnin lalu, Dr Mahathir berkata beliau akan mencadangkan supaya anggota Kabinet turut menandatangani surat akujanji itu seperti yang dilakukan oleh kakitangan awam.

Perdana Menteri berkata, langkah mewajibkan pegawai kerajaan menandatangani surat akujanji itu adalah salah satu cara bagi meningkatkan lagi mutu pentadbiran kerajaan.

Katanya, wujud kekurangan dalam peraturan surat akujanji itu sebelum ini kerana hanya kakitangan daripada Ketua Setiausaha kementerian ke bawah diwajibkan menandatangani.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang ditemui pada majlis yang sama turut mengesahkan perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet berkenaan.

(END)